


2. Lengkapkan rajah di bawah.



3. Maklumat berikut diperolehi daripada Restoran Indah Rasa bagi tahun berakhir 31 Mei 20X0.

| | RM |
|-----------------|--------|
| Inventori Awal | 12 630 |
| Inventori Akhir | 21 850 |

Maklumat tambahan:

- (i) Barang-barang dijual dengan harga 40% lebih daripada kos.
- (ii) Kadar Pusing Ganti Inventori bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Mei 20X0 ialah 7 kali.

Anda dikehendaki menghitung:

(a) Inventori Purata = $\frac{\text{Inventori Awal} + \text{Inventori Akhir}}{2}$

=

(b) Kos Jualan = Kadar Pusing Ganti Inventori × Inventori Purata

$$= \boxed{}$$

(c) Untung Kasar = Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan × Kos Jualan

$$= \boxed{}$$

4. Butiran berikut diperolehi daripada Perniagaan Meng Hui bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 20X9.

| | RM |
|--------------------------|--------|
| Belian | 42 155 |
| Jualan | 54 120 |
| Pulangan Jualan | 2 260 |
| Inventori Awal pada kos | 3 215 |
| Inventori Akhir pada kos | 2 655 |

Anda dikehendaki menghitung:

- (a) Perolehan.
- (b) Kos Jualan.
- (c) Margin Untung Kasar.
- (d) Tokokan.
- (e) Kadar Pusing Ganti Inventori.

5. Maklumat berikut telah dikeluarkan daripada buku seorang peniaga.

| | RM |
|--|---------|
| Inventori Awal | 20 500 |
| Belian | 170 500 |
| Inventori Akhir | 18 400 |
| Untung kasar sebagai peratus jualan adalah 20% | |

Anda dikehendaki menghitung:

- (a) Kos Jualan.
- (b) Jualan.

6. Kedai Donut Sun dan Kedai Roti Suria merupakan dua perniagaan menjual roti. Berikut ialah maklumat kewangan perniagaan tersebut pada 30 Jun 20X9.

Kedai Donut Suria

| | RM |
|-----------------------|---------|
| Modal 1 Julai 20X8 | 85 000 |
| Inventori 30 Jun 20X9 | 12 550 |
| Belian | 176 580 |
| Gaji Belum Bayar | 1 760 |
| Akaun Belum Terima | 14 340 |
| Untung Bersih | 15 300 |

| | RM |
|------------------------|---------|
| Inventori 1 Julai 20X8 | 10 850 |
| Kenderaan | 12 500 |
| Akaun Belum Bayar | 13 680 |
| Jualan | 200 170 |
| Insurans atas Belian | 620 |
| Iklan Prabayar | 390 |

Kedai Donut Sun

| | |
|------------------------------|---------|
| Kadar Pusing Ganti Inventori | 12 kali |
|------------------------------|---------|

| | |
|---------------------|-----|
| Pulangan atas Modal | 15% |
|---------------------|-----|

(a) **Anda dikehendaki menghitung:**

- (i) Kos Jualan.
- (ii) Kadar Pusing Ganti Inventori.
- (iii) Pulangan atas Modal.

(b) Prestasi perniagaan yang manakah lebih baik? Beri alasan anda.

7. Maklumat kewangan berikut diperolehi daripada Perniagaan Sri Gaya dan Perniagaan Eleganza pada 31 Mei 20X0. Kedua-dua perniagaan tersebut menjalankan perniagaan menjual tudung.

| Perniagaan Sri Gaya | | Perniagaan Eleganza | |
|-----------------------|-----------|------------------------------|---------|
| | RM | | |
| Modal 1 Jun 20X9 | 117 750 | Margin Untung Bersih | 20% |
| Inventori 31 Mei 20X0 | 6 240 | Kadar Pusing Ganti Inventori | 10 kali |
| Pelbagai Belanja | 3 240 | Pulangan atas Modal | 12% |
| Akaun Belum Bayar | 3 950 | Nisbah Semasa | 1.8:1 |
| Inventori 1 Jun 20X9 | 7 080 | | |
| Untung Kasar | 22 080 | | |
| Akaun Belum Terima | 1 660 | | |
| Jualan | 75 360 | | |

- (a) **Anda dikehendaki menghitung** perkara berikut bagi Perniagaan Sri Gaya:
- Margin Untung Bersih.
 - Pulangan atas Modal.
 - Kadar Pusing Ganti Inventori.
- (b) Perniagaan manakah yang akan anda pilih, sekiranya anda seorang pelabur? Beri alasan anda.
- (c) Berdasarkan maklumat yang diperolehi, perniagaan yang manakah lebih cekap mengurus inventori? Beri alasan anda.
- (d) Perniagaan yang manakah lebih baik kedudukannya untuk membayar liabiliti semasa? Beri alasan anda.
8. Penyata Kedudukan Kewangan bagi dua syarikat yang bersaing disediakan pada 31 Oktober 20X0.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Oktober 20X0

| | Syarikat Awana | | | Syarikat Ah Meng | | |
|--------------------------------|----------------|----------------|---------------|------------------|----------------|---------------|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Aset Bukan Semasa | | | | | | |
| Kenderaan | | 21 600 | | | 30 000 | |
| Alatan Pejabat | | 13 500 | | | 10 920 | |
| Lengkapan | | <u>1 590</u> | 36 690 | | <u>1 540</u> | 42 460 |
| Aset Semasa | | | | | | |
| Inventori Akhir | 2 850 | | | 2 550 | | |
| Akaun Belum Terima | <u>2 010</u> | 4 860 | | <u>2 210</u> | 4 760 | |
| Tolak: Liabiliti Semasa | | | | | | |
| Akaun Belum Bayar | 1 020 | | | 2 000 | | |
| Overdraf Bank | 580 | | | 870 | | |
| Sewa Belum Bayar | <u>350</u> | <u>(1 950)</u> | | <u>350</u> | <u>(3 220)</u> | |
| Modal Kerja | | | <u>2 910</u> | | | <u>1 540</u> |
| | | | <u>39 600</u> | | | <u>44 000</u> |
| Ekuiti Pemilik | | | | | | |
| Modal | | | 23 840 | | | 32 150 |
| <i>Tambah:</i> Untung Bersih | | | 5 760 | | | 5 850 |
| Liabiliti Bukan Semasa | | | | | | |
| Pinjaman | | | <u>10 000</u> | | | <u>6 000</u> |
| | | | <u>39 600</u> | | | <u>44 000</u> |

- (a) **Anda dikehendaki menghitung** item berikut bagi setiap syarikat.
- Nisbah Semasa.
 - Nisbah Ujian Asid.
 - Pulangan Atas Modal.
- (b) Berdasarkan analisis pulangan atas modal di 8 (a)(iii), syarikat yang manakah cekap? Beri alasan anda.
- (c) Syarikat manakah yang mempunyai kedudukan aset semasa yang baik untuk membayar liabiliti semasanya? Terangkan.